

**PERTANYAAN LISAN**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA, DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KE13**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B PUAN TERESA KOK SUH SIM  
(SEPUTEH)**

**TARIKH : 26 OKTOBER 2015 (ISNIN)**

**NO. SOALAN : 46**

**SOALAN :** Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab beliau menyokong Himpunan Rakyat Bersatu memandangkan objektif perhimpunan ini berbaur perkauman yang akan menjelaskan keharmonian sosial di Negara kita. Apakah perhimpunan ini menjelaskan slogan “1Malaysia”?

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Perhimpunan aman merupakan salah satu prinsip demokrasi seperti termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 10 yang menyatakan hak rakyat untuk berhimpun secara aman. Justeru, Kerajaan melalui Akta Perhimpunan Aman 2012 telah menyediakan panduan mengenai pelaksanaan perhimpunan aman. Sekalipun perkara ini termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan pihak pengajur perlu sensitif kesan dan akibatnya terhadap ketenteraman awam seperti

kesesakan lalu lintas dan kesan negatif kepada peniaga dan sebagainya. Penganjur perhimpunan aman seharusnya menggunakan akal dalam mengekspresikan pendapat dengan menggunakan saluran yang mencerminkan adat ketimuran yang lebih berdisiplin dan bersifat hormat menghormati melalui prinsip-prinsip Rukun Negara yang seharusnya dihayati oleh setiap masyarakat negara ini.

Kerajaan tetap bertegas dan tidak berkompromi dengan kesalahan berhubung perhimpunan jalanan yang boleh mengakibatkan perpecahan dan menjelaskan perpaduan kaum di negara ini. Perhimpunan jalanan yang disertai oleh bilangan yang besar sukar dikawal oleh penganjur dan kadang-kala berakhir dengan keganasan dan rusuhan. Hal ini mengakibatkan perhimpunan aman pada mulanya menjadi luar kawalan dan sering kali mengakibatkan campur tangan pihak berkuasa untuk mengawal dan menenteramkan keadaan. Tindakan provokasi oleh pemimpin penganjur perhimpunan dan para peserta dengan mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman adalah satu tindakan tidak bertanggung jawab dan menjelaskan perpaduan.

Pendirian Kerajaan sangat jelas mengenai perkara ini, sebarang usaha untuk mengganggu-gugat perpaduan dan keharmonian Negara adalah satu usaha yang ditentang oleh Kerajaan. Penghayatan Nilai Murni dan Nilai Aspirasi yang terkandung di dalam Gagasan 1Malaysia perlu di dokong agar perpaduan dan keharmonian masyarakat yang mempunyai kepelbagaian sentiasa terpelihara.